

30 APR 1997

Rencana Bernama

KUALA SUNGAI BARU JADI TUMPUAN PELABUR

Oleh: ADNAN JAHAYA

KANGAR: Kuala Sungai Baru, sebuah perkampungan nelayan tradisional yang sesak dan tidak tersusun di sini dijangka akan menjadi bandar industri dan pelabuhan termoden mulai awal abad ke-21.

Kampung yang tidak pernah dikenali suatu ketika dahulu kini menjadi tumpuan para pelabur bagi melaksanakan projek yang akan mengubah wajah kampung yang berusia kira-kira seabad itu.

Empat projek utama bernilai RM3.6 bilion akan dilaksanakan di kampung berkenaan iaitu projek bandar industri, projek Pengeluar Tenaga Bebas (IPP), projek pelabuhan bertaraf antarabangsa dan projek bekalan air.

Pengerusi Jawatankuasa Tanah dan Perhutanan, Che Ah binti Long memberitahu BERNAMA di sini hari ini bahawa projek-projek itu mendapat restu kira-kira 3,000 penduduk kampung berkenaan.

"Penduduk tidak membantah apabila cadangan memajukan kawasan berkenaan dikemukakan. Mereka juga yakin bahawa kehidupan mereka akan bertambah baik hasil pelaksanaan projek-projek itu," tambahnya.

Mengikut perancangan, projek bandar industri yang antara lain mengandungi komponen tebus guna pantai membabitkan kos RM1.5 bilion akan mula dilaksanakan pertengahan tahun ini dan dijangka selesai menjelang tahun 2007.

Hilt Mark Holding Sdn Bhd (HMHSB) telah dilantik memajukan kawasan seluas 200 hektar itu yang dijangka akan mencetuskan pertumbuhan penduduk sehingga 100,000 orang.

Pertambahan yang ketara itu berikutan cadangan mewujudkan kawasan industri ringan dan sederhana, projek perumahan mewah, kawasan percutian serta pembinaan hotel dan chalet bagi tarikan pelancong.

Che Ah yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Simpang Empat berkata, penduduk tempatan perlu mengikuti arus perkembangan kawasan berkenaan dan bersedia menghadapi cabaran apabila berlaku pertambahan penduduk yang berlipat kali ganda.

Projek IPP yang berharga RM1.2 bilion pula akan turut dilaksanakan oleh Teknologi Tenaga Perlis Consortium Sdn Bhd mulai pertengahan tahun ini dan dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2000.

Tenaga yang dijana oleh projek itu sebanyak 650MW akan dijual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Projek pelabuhan bertaraf antarabangsa bernilai RM750 juta yang bakal mencatatkan nama Kuala Sungai Baru pada peta perdagangan antarabangsa sedang dilaksanakan di kampung itu oleh pemaju tempatan, Pashacorp Sdn Bhd.

Pelaksanaan projek berkenaan akan dilakukan secara berperingkat dengan fasa pertama membabitkan kerja-kerja pembinaan pelabuhan kargo dan kontena yang dijangka siap pertengahan tahun depan.

Kemudahan lain seperti kawasan komersil, jeti termoden dan marina akan dibina dalam fasa kedua yang dijangka mengambil masa antara 10 dan 12 tahun untuk disiapkan.

Pembangunan di Pulau Langkawi turut memberi peluang kepada penduduk Kuala Sungai Baru menambah pendapatan dengan pelaksanaan projek bekalan air ke pulau bebas cukai itu melalui kampung berkenaan.

Projek berharga RM150 juta itu yang bermula Januari tahun lalu antara lain mengandungi Loji Pembersih Air Kuala Sungai Baru yang merupakan komponen utama projek berkenaan.

Projek yang berkeupayaan membekal 54.55 juta liter dan 68.2 juta liter padu air sehari itu dilaksanakan secara usahasama IPCO Constructors Sdn Bhd

dan Amanah Saham Anak Langkawi (ASAL) dan dijangka siap sepenuhnya September ini.

Che Ah berkata, terdapat perubahan ketara terutama dalam peningkatan penduduk sejak projek itu dilaksanakan kerana purata pendapatan pekerja di syarikat pembinaan itu ialah kira-kira RM1,000 sebulan.

Katanya, penduduk yang sebahagian besarnya nelayan tradisional kini perlu menghadapi kenyataan bahawa mereka tidak perlu kekal dengan corak kehidupan lama yang belum menjanjikan pendapatan lumayan.

Beliau bersyukur kerana Kuala Sungai Baru dipilih sebagai nadi pembangunan pesisir pantai bagi negeri Perlis dengan pelaksanaan projek-projek itu.

Pertengahan bulan lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meninjau kampung itu yang memperolehi nama daripada sebuah kuala sungai yang menjadi nadi penghidupan masyarakat nelayan di situ.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kuala Sungai Baru, Yahaya Chat berharap projek itu akan menguntungkan para penduduk sebagaimana jaminan kerajaan negeri dan pemaju sebelum ini.

"Kami sanggup berkorban demi pembangunan di sini. Kami juga sentiasa berdoa dan berharap supaya tidak ada penduduk di sini yang teraniaya apabila projek ini siap," katanya.

Yahaya berkata, para penduduk rela berpindah sebagaimana yang dikehendaki dan mereka juga berharap pihak pemaju juga dapat mengotakan janji untuk menyediakan penempatan yang selesa untuk mereka.

"Kami dimaklumkan bahawa pemaju akan menyediakan 150 unit rumah bagi menggantikan rumah-rumah kami yang akan dirobuhkan. Hingga kini kami merasa segala apa yang akan berlaku adalah bersifat positif dan kami mengalu-alukannya," tambahnya.

Beliau berharap penyusunan semula kampung itu tidak akan menjejaskan kedudukan mereka sebagai nelayan pantai sebaliknya dapat meningkatkan taraf hidup mereka melalui kegiatan yang lebih sempurna di jeti nelayan yang dijanjikan pembinaannya.

"Segala yang dijanjikan kepada kami begitu manis dan kami berharap kemanisan itu akan menjadi kenyataan juga," katanya.

Timbalan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Perlis Selatan, Abu Bakar Saad yang juga penduduk kampung itu berkata setakat ini belum timbul sesuatu yang meragukan daripada projek itu.

"Mengapa harus kita tolak pembangunan yang dijanjikan akan menguntungkan kita?" tanya beliau.

Mengenai penempatan semula para nelayan, beliau berharap para pemaju dapat menyediakan perumahan yang tidak memerlukan para penduduk mengeluarkan kos tambahan untuk membelinya.

Katanya memadailah nilai rumah berkenaan sama dengan nilai tanah dan rumah mereka yang bakal diambil untuk projek berkenaan. -- BERNAMA